

## BAB 3

### BERTAPAK KUKUH DI TAIWAN

#### 3.1 PROSES PEMBENTUKAN SEMANGAT NASIONALISME ZHANG XIGUO

Penghijrahan sebahagian bangsa Cina ke Taiwan pada tahun 1949 pada hakikatnya merupakan suatu titik hitam dalam sejarah China Modern. Latar sejarah ini banyak menghasilkan impak-impak besar ke atas golongan penghijrah di Taiwan secara langsung atau tidak langsung. Atas faktor-faktor dalaman dan luaran seperti yang dibincangkan dalam bab lalu, penghijrah-penghijrah terutama generasi yang membesar di Taiwan terpaksa meninggalkan Taiwan dan menjelajahi perjalanan yang jauh untuk menawarkan nostalgia yang diperturunkan kepada mereka. Zhang Xiguo tidak terkecuali dalam hal ini. Walau bagaimanapun, perjalanan ini benar-benar membekalkan suatu saluran penting

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan untuk beliau meninjau kedudukan bangsanya dan seterusnya memperkuuhkan semangat nasionalisme yang bertapak di Taiwan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kebanyakan penghijrah yang melanjutkan pelajaran ke luar negara pada masa itu telah menghadapi permasalahan kehilangan atau kesesatan akar budaya tradisi seperti yang dibincangkan dalam bahagian 2.3. Keterangan yang diberi oleh Li Oufan seperti berikut ketika beliau meninjau karya-karya Sastera China di seberang laut memperkuuhkan lagi situasi kebanyakan penulis pada masa itu termasuk Zhang Xiguo. Menurut beliau :

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa fenomena-fenomena umpamanya keterbuangan minda, kehilangan akar budaya dan perasaan tersisih daripada masyarakat telah memberangsangkan kebangkitan nasionalisme, yakni sesuatu “wawancara” (discourse) yang berakar di tanah air sendiri. Nasionalisme yang dierti di sini ialah perasaan cinta akan negara. Namun demikian, kepada mereka yang cinta akan tanah air sendiri, “negara” sentiasa disamakan dengan “kerajaan” dalam pembentukan ideologi selama beberapa tahun ini. Dalam hal ini, perasaan cinta akan negara adalah sama dengan perasaan taat setia kepada kerajaan (atau parti pemerintahan) mereka. Namun, munculnya dua kerajaan dan dua kuasa pemerintah pada akhir abad ke-20. Semangat nasionalisme mereka tidak menemui jalan keluar dan akhirnya timbul perasaan keterbuangan minda di tanah orang lain (1995: 63).

Keterangan di atas tidak dapat kita elakkan daripada menyentuh perkembangan sejarah tanah besar China dan Taiwan yang akhirnya membawa kepada penghijrahan pada tahun 1949. Penghijrahan ini kemudian membuka jalan kepada bangsa Cina untuk mendirikan semangat nasionalisme sama ada terhadap tanah besar China atau Taiwan. Pada dasarnya, munculnya dua kerajaan atau kuasa pemerintah, yakni parti Komunis di tanah besar China dan Guomindang (Kuomintang) di Taiwan dengan organisasi dan model politik yang bercanggah

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan antara satu sama lain. Tanah besar China di bawah pimpinan Mao Tze-tung yang meneladani negara Rusia pada masa itu amat berkobar-kobar dalam mengamalkan sistem sosialisme yang berpandukan Marxisme. Manakala, Guomindang yang berundur ke Taiwan pada bulan Disember pada tahun 1949 dengan sokongan Amerika Syarikat bercita-cita mengamalkan sistem kapitalisme dengan menjadikan negara-negara Barat sebagai teladan dalam pembangunan masyarakatnya.

Dalam hal ini, tanah besar China menegaskan bahawa pemilikan harta benda dijadikan milik kerajaan. Pegangan parti Komunis dalam menentukan agihan sumber-sumber ekonomi masyarakatnya amat tidak dipersetujui oleh Guomindang di Taiwan. Taiwan yang mengagung-agungkan prinsip demokrasi dalam pembangunan lapisan masyarakatnya adalah bertentangan dengan konsep politik yang diamalkan oleh parti Komunis. Pada hakikatnya, pertembungan kuasa-kuasa pemerintahan tersebut memperlihatkan kedahagaan kedua-dua organisasi politik ini masing-masing berkeinginan menguasai antara satu sama lain terutama bagi tanah besar China yang mempunyai liputan wilayah, kesinambungan budaya dan kekuatan pemerintahan yang dominan. Namun, persoalan timbul ketika Taiwan menegaskan bahawa Taiwan dapat menyelamatkan tanah besar China dan bangsa Cina yang dianggap masih mundur dalam pelbagai bidang terutama bidang ekonomi dengan penyatuan Taiwan dengan tanah besar China. Taiwan yang mengejar modenisasi seperti kebanyakan masyarakat kapitalisme di Barat amat berkeyakinan dalam memulihkan maruah bangsa ini. Justeru, penghijrah-penghijrah di Taiwan gagal menemui suatu keseimbangan terhadap kedudukan mereka. Ini adalah disebabkan dua faktor

utama. Pertama, penghijrah-penghijrah berasa Taiwan masih kurang berkemampuan dalam menyatupadukan Taiwan dengan tanah besar China untuk mencapai impian politik mereka. Kedua, kedudukan yang seakan-akan disingkirkan ke atas pulau ini tidak disenangi oleh kebanyakan penghijrah yang berasal dari tanah besar China dan menyebabkan mereka sering berpaling semula ke tanah kelahiran.

Tidak hairan juga para penulis dari tanah besar China terutama penghijrah-penghijrah yang membesar di Taiwan banyak meluahkan rasa kehilangan akar budaya dalam karya-karya mereka.<sup>1</sup> Dalam hal ini, tinjauan Peng Ruijin, seorang pengkaji sastera Taiwan memberi keterangannya kepada situasi dan perubahan mental para penulis yang berhijrah ke Taiwan pada masa itu berdasarkan karya-karya Bai Xianyong:

Karya sastera yang didedahkan beliau sememangnya telah membayangkan realiti masyarakat pada masa itu. Selain menuduh ketidakikhlasan sastera Anti-Komunis, beliau juga banyak mendedahkan kepiluan orang Cina yang berhijrah ke Taiwan. Berasaskan pengalamannya sebagai seorang perantau, beliau menegaskan bahawa tema kehilangan akar budaya akibat tidak berpijak di atas tanah sendiri tidak berkait dengan persoalan akhlak dan moral seseorang seperti yang ditekankan dalam kebangkitan sastera Tanah Air kemudiannya. Sebaliknya, penulisan mereka banyak membayangkan penulis-penulis yang mengasingkan diri (1991: 134).

---

<sup>1</sup> Misalnya, Bai Xianyong menjelaskan situasi para penulis sezamannya seperti berikut, "Para penulis pada waktu ini tidak berani berdepan dengan isu-isu politik masyarakat untuk mengelakkan diri daripada siasatan kerajaan. Lantaran itu, mereka hanya sempat mendasari kebatinan individu, misalnya persoalan penetapan mereka di Taiwan, ketidaksinambungan dalam budaya tradisi, jiwa yang terseksa dan perasaan ngeri ketika 'dikurungkan' di atas pulau terasing ini serta kesesatan hidup ekoran pengaruh generasi tua " (2000: 409)

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

Kebanyakan penghijrah dan penulis di Taiwan pernah seketika berasa keberatan dalam menentukan identiti dan kedudukan kediaman mereka. Pada tahun 1960an, orang-orang Taiwan tidak kira mereka yang berasal dari tanah besar China atau yang dilahirkan di Taiwan, sama-sama berdepan dengan pertembungan Guomindang dan parti Komunis yang berpendirian tegas dalam dasar-dasar politik masing-masing. Lebih-lebih lagi, kepada kebanyakan penghijrah yang dibesarkan di Taiwan, mereka seolah-olah tidak dapat melupakan pengajaran sejarah yang pernah menghampaskan keseluruhan bangsa Cina di Taiwan. Justeru, mereka kelihatan begitu tegas dalam mempertahankan khazanah budaya dan identiti seorang bangsa Cina di luar tanah besar China. Selain itu, didapati kebanyakan penghijrah ini masih menunduk kepada tanah besar China memandangkan mereka tidak dapat menerima Guomindang yang pernah menghancurkan harapan mereka untuk kembali ke tanah besar China, tanah air mereka sebelum tahun 1949.

Seperti Yu Lihua dan Bai Xianyong, Zhang Xiguo tidak terkecuali dalam menghadapi krisis identiti terutama dalam pengembaraan beliau di Amerika Syarikat. Baginya, faktor sejarah di atas memainkan peranan penting untuk beliau “mendarikan diri” daripada trauma dalam penghijrahan. Dalam sebuah temuramah dengan Long Yingtai, Zhang Xiguo ditanya sama ada beliau sedar akan dirinya terbelenggu dalam “dao” yang menjadi suatu halangan dalam penulisannya. Demikianlah jawapan Zhang Xiguo membalaas soalan ini dengan jujur sekali:

Ketika menemui para penulis yang terpisah dari tanah besar China, termasuk penulis-penulis di Taiwan, Hong Kong dan seberang laut, aku selalu bertanyakan siapakah kami sebenarnya? Orang Taiwan? Rakyat tanah besar China?

Atau orang Cina di seberang laut? Pertanyaan ini sememangnya terikat dengan semangat “ganshi youguo” yang dikatakan sering mengongkong aku selama ini. Walau bagaimanapun, bebanan ini difahamkan sebagai semangat nasionalisme yang lama terpahat dalam sebahagian hidup saya. Lantaran itu, aku berpendapat bahawa langkah yang sewajarnya bukan lagi bagaimana dan sepatutkah aku melepaskan belenggu ini, tetapi hal yang aku fikirkan adalah bagaimana aku menampilkkan diri untuk berdepan dengan batasan ini (1985a: 204).

Nyatalah, “*dao*” yang terbayang dalam penulisan Zhang Xiguo merupakan dasar pembentukan semangat nasionalisme beliau yang utuh dan keprihatinannya dalam persoalan identiti bangsa dan negara. Antara tahun 1974 hingga 1978, Zhang Xiguo banyak menghasilkan karya-karya kritikan tentang Sastera Kebangsaan.<sup>2</sup> Kesemua artikel tersebut kemudiannya disimpan dalam *Biar Masa Depan Itu Menunggu (Rang Weilai Deng yi Deng Ba)*, koleksi karya kritikannya dalam suatu jilid yang berjudul “Bertolak Sekali Lagi dari Sastera Kebangsaan” (Minzu Wenzue Zai Chufa). Koleksi tersebut banyak mengutarakan pandangan beliau yang bernas terhadap bangsa dan negara dengan daya observatif yang tajam sekali. Pendapat-pendapat ini benar-benar menonjolkan kepekaan dan ketajaman serta persepsi Zhang Xiguo sebagai seorang penulis terhadap Taiwan berdasarkan penilaiannya tersendiri.

---

<sup>2</sup> Zhang Xiguo dalam artikelnya berjudul “Perbincangan dalam Kandungan dan Format Sastera Kebangsaan” (Shi Tan Minzu Wenzue de Neirong he Xingshi) pernah meninjau karya-karya fiksyen China pada zaman kontemporer. Beliau mempraktikkan teori keaslian (archetype) yang dialu-alukan di negara-negara Barat untuk menekankan kepentingan mitos sesuatu bangsa dalam penulisan kesusasteraan. Menurut beliau, “.. jika kita kehilangan mitos dalam karya-karya sastera, di mana akar budaya kita akan bertapak? Masihkah kita berkemampuan untuk membincangkan semangat nasionalisme?” (1987b: 69) Usaha Zhang Xiguo dalam Sastera Kebangsaan seterusnya memperkuuh semangat nasionalisme dalam penulisannya. Beliau berkata dengan tegasnya, “Para penulis seharusnya mempraktikkan keseluruhan pengalaman bangsanya dan besedia menerima cabaran dengan tabah sekali serta menegakkan pengertian hidup untuk bangsanya dalam Sastera Kebangsaan. Sehubungan itu, barulah Sastera Kebangsaan akan memperluas tema persoalan dan genre penulisannya. Demi kepentingan insan dan seni penulisan, kita seharusnya memberi perhatian sepenuhnya kepada Sastera Kebangsaan tetapi tidak perlu menolak aliran-aliran sastera yang lain.” (1987b: 80-81)

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

Sejak koleksi karya fiksyen pertama yang berjudul *Tanah* dihasilkan Zhang Xiguo di seberang laut, penanya tidak pernah terkeluar dari masyarakat Taiwan. Di samping itu, segala watak-perwatakan dalam karya-karyanya adalah berlatarbelakangkan tahap pembangunan, perkembangan dan kecemerlangan masyarakat ini secara amnya. Sehubungan itu, kelihatan tema persoalan, gaya bahasa dan nilai estetika yang terserlah dalam karya-karya fiksyen Zhang Xiguo telah mempersesembahkan suatu seni penulisan tersendiri berasaskan Taiwan dan bangsa Cina secara menyeluruh. Dengan kata lain, hubungan beliau dengan kedua-dua unsur “bangsa” dan “negara” yang terbayang dalam karya-karya penulisannya telah memperlihatkan pembentukan semangat nasionalisme yang utuh dan intim sekali sejak beliau bertapak di atas tanah ini.

Sesungguhnya, latar belakang sejarah Taiwan memainkan peranan penting dalam memperhitungkan kedudukan nasionalisme Zhang Xiguo mahupun golongan generasi muda yang dibesarkan di Taiwan. Kesangsian generasi muda akibat perubahan lokasi kediaman pernah seketika menyukarkan mereka dalam menyesuaikan semangat nasionalisme antara tempat kelahiran di tanah besar China dengan kedudukan Guomindang yang baru bertapak di Taiwan. Tambahan pula, penghijrah-penghijrah generasi tua yang diseksa dengan kekosongan jiwa dalam jangka masa panjang akibat gagal memberi pengakuan kepada kedudukan baru di Taiwan menambahkan lagi kesangsian mereka. Generasi muda kian sedar akan peranan dan kewajipan mereka dalam penilaian semula kedudukan nasionalisme yang terumbang-ambing sebelum ini. Jika ditinjau dari aspek sejarah, kebangkitan kebanyakkan kempen nasionalisme adalah sejajar dengan pengukuhan sesuatu kuasa politik. Begitu juga dengan nasionalisme yang muncul

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan di tanah besar China pada lewat tahun 1844 adalah ekoran proses modenisasi yang meletakkan “bangsa sebagai unit asas dalam pembangunan sesebuah negara dan pada masa yang sama, bangsa itu seharusnya mendirikan negaranya atas kekuasaan politik tertentu.” (Shi, 2000: 266) Lantaran, tindakan sewajar bagi pengembara seperti Zhang Xiguo pada tahap ini adalah bagaimana beliau menegakkan kedudukan nasionalismenya di Taiwan.

Zhang Xiguo selama ini tidak jemu meninjau bangsanya yang bertapak di atas Taiwan sejak tahun 1949. Pengalaman orang-orang tuanya padahalnya memperkuatkan lagi kemauan beliau untuk mengakui Taiwan sebagai satu-satunya tanah air yang sanggup menempatkan semangat nasionalismenya. Xu Xun pernah memberi penjelasan yang mendalam tentang “nasionalisme” dalam karyanya yang berjudul *Bangsa, Negara-bangsa dan Nasionalisme*:

Nasionalisme ialah suatu kempen bersama yang memperlihatkan taat setia sesuatu kumpulan. Hal ini disebabkan nasionalisme memerlukan kejiwaan manusia yang tersuci dan terperinci. Dalam pada ini, nasionalisme berkait rapat dengan hubungan darah, etnik dan agama sebagai empat unsur gabungan penting dan berpengaruh. Nasionalisme berkemampuan untuk menyatupadukan sesebuah masyarakat seterusnya membolehkan unsur politik berfungsi secara sah di sisi undang-undang di bawah suatu kebudayaan bangsa tersebut. Pada asasnya, nasionalisme amat berpengaruh terhadap jiwa sesuatu bangsa terutama ketika bangsa itu ditimpa kemalangan. Nasionalisme adalah antara ideologi masyarakat yang paling berpengaruh dan berkesan untuk mengagihkan tenaga anggota dan sumber-sumber masyarakat (2000: 30).

Nyatalah, nasionalisme sebenarnya ialah satu konsep budaya yang berpengaruh untuk menjamin tatatertib, moral dan rohani seseorang di luar kepentingan politik dan kebendaan. Keprihatinan yang diberi oleh Zhang Xiguo

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

kepada masyarakat Taiwan membayangkan kasih sayangnya yang dicurahkan kepada bangsa Cina yang bertapak di Taiwan. Sebagaimana yang dikatakan beliau, “Tindakan mengambil berat terhadap bangsa Cina membawa persoalan nasionalisme. Kemungkinan perasaan nasionalisme ini yang membelenggu fikiran orang Cina. Namun, adalah mustahil jika memaksa aku untuk melepaskan belenggu ini dan menulis persoalan-persoalan lain. Justeru, aku terpaksa meneruskan jalan ini.” (Long, 1985a: 204) Dari sinilah, Zhang Xiguo meletakkan penanya sebagai suatu strategi penulisan untuk meninjau pelbagai permasalahan yang dialami beliau dan penulis-penulis sezamannya di seberang laut seperti yang dibincangkan dalam bab lalu.

Ramai penulis yang sezaman Zhang Xiguo, misalnya Yu Lihua, Bai Xianyong dan Cong Su ialah penghijrah-penghijrah yang dibesarkan di Taiwan dan merupakan generasi pertama yang menerima pendidikan di Taiwan sehingga peringkat pengajian tinggi. Kebanyakan karya mereka memperlihatkan luangan yang tidak pernah berakhir terhadap kampung halaman di tanah besar China. Dalam karya-karya fiksyen para penulis ini, “China” bukan sahaja suatu persembahan yang konkret terhadap ruang lokasi, bahkan “China” merupakan suatu kewujudan identiti bangsa Cina. Bagi Zhang Xiguo, beliau bukan sahaja tidak berpaling semula ke arah tanah besar China, malahan keprihatinan yang hanya dituju kepada perkembangan masyarakat Taiwan menyerlahkan keutamaannya yang diberi kepada keseluruhan bangsa Cina tanpa mengira sempadan geografi. Selain novel *Kisah Benar tentang Paderi Pi* dan koleksi karya fiksyen berjudul *Kematian Kong Zi*, didapati kebanyakan karya-karya Zhang Xiguo adalah disiapkan di Amerika Syarikat. Sebagaimana penghijrah-

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan penghijrah sezamannya, pemergian Zhang Xiguo ke Amerika Syarikat merupakan satu-satunya jalan yang tiada pilihan pada masa itu. Pengajaran sejarah semata-mata satu pintu kemasukan bagi beliau untuk mempertimbangkan identiti penghijrah-penghijrah yang dikatakan “disingkir” ke Taiwan. Sesungguhnya, kebanyakan karya fiksyen Zhang Xiguo pada dasarnya tidak banyak menghulurkan nostalgia yang menebal seperti yang terselit dalam karya-karya Yu Lihua dan Bai Xianyong. Koleksi karya fiksyen *Tanah* yang merupakan karya pertama pada tahap awal penulisannya langsung tidak menyampaikan hasrat generasi muda yang dibesarkan di Taiwan yang ingin kembali ke tanah besar China. Justeru, penghijrahan pada tahun 1949 pada hakikatnya hanya suatu titik tolak untuk beliau meninjau kedudukan bangsa Cina yang kini berselerak di seberang laut.

Walau bagaimanapun, penghijrahan ini sesungguhnya tidak memperlihatkan harapan dan masa depan bangsa Cina yang optimis dalam persepsi Zhang Xiguo pada masa itu. Beliau pada hakikatnya mengharap-harapkan suatu kekuatan bangsa Cina yang bersatu padu tanpa mengenal halangan politik. Akan tetapi, hasrat ini tidak mudah dicapai seperti yang diharapkan oleh Zhang Xiguo. Tambahan pula, persoalan kehilangan akar budaya sebelum ini bukan sahaja membenggu penghijrah-penghijrah di Taiwan, malah menular di kalangan intelektual seperti Zhang Xiguo yang melanjutkan pelajaran di luar negara pada zaman itu. Walau bagaimanapun, kesedaran Zhang Xiguo dalam menarik diri daripada masalah-masalah tersebut bukan sahaja membolehkan beliau mencari suatu jalan keluar bagi dirinya tetapi pada masa yang sama, usaha beliau dalam meneruskan Sastera Penuntut Seberang Laut

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan membuktikan keutuhan Sastera China di seberang laut. Dalam sebuah artikel yang berjudul "Perbincangan tentang Realisme" (Tan Xieshi Zhuyi), Zhang Xiguo mendalami sebab-musabab kehilangan akar budaya yang menonjolkan kebimbangannya terhadap masyarakat pada masa itu. Menurut beliau:

Tuduhan yang agak berat tidak kehabisan dengan mengatakan bahawa golongan intelektual sentiasa menarik diri dan tidak mengambil berat terhadap masyarakat telah membawa persoalan kehilangan akar budaya pada masa itu. Namun, perkara ini turut disebabkan faktor-faktor objektif yang lain. Pertama, memang tidak dapat dinasikan bahawa kebanyakan mereka yang berhijrah ke Taiwan selepas tahun 1945 terutama golongan intelektual gagal menanam perasaan cinta akan tanah air yang intim sejak awal-awal lagi. Hubungan antara penulis-penulis dengan wilayah asal mereka merupakan salah satu sebab timbulnya keterbuangan minda dan perasaan tersisih. Walau bagaimanapun, keadaaan ini kian berubah mengikut perubahan masa...selain itu, perasaan tertekan menyerang penulis-penulis yang dilahirkan di Taiwan. Jelasnya, fenomena ini bukan sahaja berpunca daripada faktor wilayah asal mereka semata-mata, sebaliknya saya berpendapat bahawa golongan intelektual pada masa itu langsung tidak sedar akan peranan mereka terhadap masyarakat (1987c: 90-91).

Sesungguhnya, usaha murni dan keprihatinan Zhang Xiguo kini telah meliputi lingkungan yang lebih luas dan bermakna. Kesedaran beliau terhadap pembangunan negara dan bangsanya terutama dalam persoalan identiti penghijrah-penghijrah bangsa Cina di Taiwan telahpun mempertingkat tahap penulisan Zhang Xiguo dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut ke arah yang lebih cerah lagi. Meskipun Zhang Xiguo mengkategorikan beberapa karya fiksyen pada tahap awal penulisannya ke dalam lingkungan Sastera Penuntut Seberang Laut yang merupakan satu cabangan Sastera Kebangsaan, tetapi beliau menegaskan bahawa penulisan ini tidak seharusnya terbatas pada lapisan masyarakat sederhana terutama selepas tahun 1965. Menurutnya, Sastera

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

Penuntut Seberang Laut diibaratkan sebagai "sastera itik getah" disebabkan sastera ini sememangnya akan menyekat kesedaran golongan sederhana terhadap masyarakat.<sup>3</sup> Beliau menyedari bahawa Sastera Penuntut Seberang Laut yang terkongkong dalam tema soal cinta pemuda-pemudi di negara asing selama ini seharusnya diperluas kepada persoalan-persoalan lain, misalnya pertembungan budaya Barat dan Timur, pendedahan kepada pelbagai pemikiran baru dan kempen-kempen politik yang diadakan oleh para penuntut di seberang laut (1987c, 99).

Dalam konteks ini, Zhang Xiguo lebih berpandangan jauh dalam menerokai jalan baru kepada Sastera Penuntut Seberang Laut. Beliau sentiasa bertanyakan dirinya:

Penuntut-penuntut Taiwan di seberang laut akan menemui ramai penuntut Cina yang berasal dari negara lain dan pemastautin Cina yang berketurunan generasi tua serta generasi baru yang dilahirkan dan kemudian membesar di rantau orang. Persoalannya, bagaimanakah penuntut-penuntut Taiwan akan menyesuaikan hubungan mereka dengan bangsa Cina yang lain? Apakah hubungan antara penuntut-penuntut di Taiwan dengan penghijrah-penghijrah Cina dari wilayah lain pada hakikatnya? Kesangsian ini sememangnya akan dijadikan ilham kepada para penulis pada masa itu. Jika Sastera Penuntut Seberang Laut dapat diperkembang berdasarkan tema persoalan ini, maka sastera ini tidak akan menemui kekurangannya seperti hari ini (1987c: 99).

Zhang Xiguo amat sedar akan kesempitan dan kekurangan Sastera Penuntut Seberang Laut pada masa itu. Beliau mengutarakan kebimbangannya terhadap

<sup>3</sup> Zhang Xiguo berpendapat bahawa sastera yang mempengaruhi golongan sederhana pada masa itu dapat diumpamakan sebagai "sastera itik permainan". Beliau mengatakan bahawa sastera ini agak pasif, seakan-akan alat permainan yang perlu dipicik barulah bersuara. Sebaliknya, jika tidak dipicik, tiada suaranya. Sastera Penuntut Seberang Laut adalah contoh terbaik (1987c: 98).

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

perkembangan sastera ini kerana penulisan ini dipercayai hanya dihasilkan untuk meluahkan perasaan golongan sederhana demi pasaran mereka sahaja. Hal ini mengakibatkan ideologi golongan sederhana tersekat dan runtuh sama sekali. Justeru, Zhang Xiguo memperluas skop penulisannya ke atas kehidupan seharian di kalangan penuntut di seberang laut dengan tajam dan kritis sekali. Dengan kata lain, keprihatinan yang diberi kapada para penuntut di seberang laut atau golongan intelektual adalah era baru dalam penulisan beliau.

Dua buah koleksi karya fiksyen Zhang Xiguo pada pertengahan tahun 1970an, yakni *Kapal Pisang* dan *Penggagah* masing-masing diberi sanjungan tinggi dengan seni penulisan yang menarik dan unik sekali. Sementara itu, beliau bersikap tenang dan matang ketika meninjau hubungan penghijrah-penghijrah Cina di seberang laut dengan Taiwan. Sebagai seorang pengembara di rantau asing, Zhang Xiguo amat memahami faktor-faktor yang menyebabkan perubahan minda golongan intelektual yang bermastautin di seberang laut. Mereka juga segolongan yang tidak dapat menyesuaikan diri ketika kembali ke Taiwan setelah beberapa tahun berada di tanah asing. Sehubungan itu, perkara yang sering merunsingkan Zhang Xiguo selama beberapa tahun di luar negara ialah identiti penghijrah-penghijrah di Taiwan bagi generasinya. Beliau selalu bertanya dirinya, "Kita orang Cina yang berpijak di Taiwan berasal dari mana agaknya? Siapakah kita sebenarnya? Bagaimanakah dan di manakah kita akan menempatkan diri pada akhir hayat ini?" (1987d: 198) Pertanyaan tersebut terus membayangkan kepentingan identiti bagi Zhang Xiguo. Ien Ang, seorang sarjana yang berketurunan Cina di Indonesia tetapi dibesarkan di Portugis dan kemudian

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan  
menetap di Australia menghulurkan pendapatnya terhadap “identiti” berdasarkan identiti dirinya sebagai seorang bangsa Cina yang kompleks. Katanya:

Sebagaimana yang diperhati oleh Paul Gilroy, persoalan “di mana kita berada” telah diganti dengan persoalan “di mana kita berasal” kepada kebanyakan penghijrah yang akan menetapkan diri di sesuatu tempat. Walau bagaimanapun, jika persoalan “di mana kita berasal” adalah lebih penting daripada persoalan “di mana kita berada” dalam sesuatu aliran budaya, maka penghijrah-penghijrah akan sentiasa memaksa dirinya untuk mencari-cari alasan munasabah bagi menempatkan dirinya pada suatu status masyarakat yang tidak berperaturan. Dengan kata lain, hubungan antara “di mana kita berada” dan “di mana kita berasal” adalah begitu kompleks sehingga kebangkitan konsep “diaspora etnik” (1992: 58).

Kepada Zhang Xiguo, dilema terhadap “di mana kita berasal” adalah tidak seberat penulis-penulis sebelumnya, misalnya Yu Lihua dan Bai Xianyong. Berasaskan semangat nasionalisme yang mendalam terhadap Taiwan sejak awal lagi, Zhang Xiguo tidak pernah merasa curiga terhadap tanah yang membesarkannya dari saat beliau bertapak di situ. Bebanan generasi tua begitu difahaminya tetapi pada masa yang sama, beliau sedar akan tanggungjawabnya sebagai generasi muda yang membesar di Taiwan. Baginya, intelektual-intelektual Cina di seberang laut selain berinisiatif dalam menyesuaikan dan melengkapkan diri di rantau asing, mereka sebenarnya memainkan peranan penting terhadap bangsa dan negara. Beliau bertegas:

Aku, bangsa Cina yang berakar umbi di Taiwan. Bagiku, faktor-faktor misalnya keturunan, tempat kelahiran dan tempat kita berada sekarang adalah tidak penting. Sebaliknya, jika seseorang itu mengambil berat akan Taiwan dan menganggap dirinya sebagai anggota masyarakat ini, beliaulah seorang bangsa Cina yang berakar di Taiwan (1987d: 198).

Nyatalah, semangat nasionalisme yang tulen dengan berasaskan kesayangan beliau terhadap Taiwan akhirnya memberi suatu petunjuk kepada arah penulisannya. Pada hakikatnya, Zhang Xiguo berjaya melepaskan belenggu seperti yang ditanggung oleh kebanyakan penulis sezamannya dalam penulisan mereka sehingga berjaya menerokai suatu era baru bagi dirinya. Daripada novel-novel seperti *Kemarahan Masa Silam* dan *Sungai Kuning*, kita memperlihatkan suatu hubungan intim antara penulis dengan tanah air yang lebih teguh lagi. Dari sinilah, persoalan pembentukan identiti Zhang Xiguo terhadap budaya dan bangsa akan dijadikan tinjauan selanjutnya.

### **3.2 KEPRIHATINAN TERHADAP MASYARAKAT TAIWAN DALAM KARYA-KARYA ZHANG XIGUO**

Pemisahan Taiwan daripada sebahagian tanah besar China tidak banyak memperturunkan nostalgia kepada Zhang Xiguo terhadap negara kelahirannya jika berbanding dengan generasi tua dan penulis-penulis sezamannya. Sebaliknya, persoalan identiti sebagai seorang penghijrah di Taiwan merupakan tinjauan utama ketika beliau berada di luar Taiwan sepanjang masa. Tidak dapat dinafikan juga semangat nasionalisme Zhang Xiguo yang berlandaskan kepentingan bangsa dan negara seperti yang dibincangkan dalam bahagian lalu memberi pengertian yang lebih bermakna dalam hal ini. Walau bagaimanapun, keputusan Zhang Xiguo mengambil langkah untuk meninggalkan Taiwan sejak awal-awal lagi telahpun menarik minat kita untuk meninjau motif penetapan beliau di Amerika Syarikat yang seterusnya membawa perbincangan dalam pembentukan identiti negara yang kukuh padanya.

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

Adalah menjadi suatu trend budaya kepada para pelajar Taiwan untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Amerika Syarikat sejak awal tahun 1960an. Amerika Syarikat yang mengalu-alukan kepelbagaian budaya terus menjadi pilihan utama untuk tujuan pembelajaran dan tempat bermastaudin bagi orang-orang Taiwan pada masa itu. Masyarakat terbuka di Amerika Syarikat bukan sahaja suatu tempat yang ideal bagi pembelajaran bahkan merupakan syurga kepada imigran dari pelosok dunia.<sup>4</sup> Pada masa yang sama, Amerika Syarikat seakan-akan suatu "tempat pemulihian" kepada penghijrah-penghijrah di Taiwan untuk menenangkan perasaan mereka daripada kelukaan sejarah. Justeru, pemergian mahasiswa-mahasiswi Taiwan ke Amerika Syarikat secara beramai-ramai pada akhir tahun 1960an telah menghasilkan golongan intelek Taiwan yang bertapak di Amerika Syarikat kemudiannya.

Pada tahun 1966, Zhang Xiguo tidak terkecuali juga melanjutkan ijazah sarjana di Amerika Syarikat. Di situ, beliau bersedia menyesuaikan diri dalam persekitaran budaya dan struktur politik yang demokrasi dan bebas. Seperti penuntut-penuntut lain dari Taiwan, persoalan identiti turut menjadi cabaran

<sup>4</sup> Dalam hal ini, Shi Yuankang pernah memberi pandangannya terhadap kepelbagaian budaya (multiculturalism) yang dialu-alukan di Amerika Syarikat sejak tahun 1980an dalam artikelnya berjudul "Negara-bangsa dan Kepelbagaian Budaya: Suatu Batasan dalam Politik Zaman Moden" (Minzu Guojia yu Wenhua Duoyuan Zhuyi: Xandai Zhengzhi de Yige Kunju). Beliau berkata, "Amalan kepelbagaian budaya sememangnya bercanggah dengan konsep 'melting pot'. Dalam konteks ini, kepelbagaian budaya menjamin warisan budaya tradisi sesuatu bangsa manakala 'melting pot' bertujuan menghapuskan berbagai-bagai budaya dan seterusnya membina suatu budaya baru yang dimiliki bersama." (2000: 277) "Melting pot" merupakan konsep yang selalunya diperlakukan dalam sebuah negara berbilang kaum. Amerika Syarikat yang memimpin aliran dunia mengaplikasikan konsep "melting pot" dalam amalan budayanya agar mengasimilasikan pelbagai bangsa yang berada di negaranya seterusnya menjadi generasi Amerika Syarikat yang baru. Arthur Schlesinger, seorang pengkaji konsep "melting pot" pernah berkata sedemikian, "Amerika Syarikat bukannya bertujuan mengekalkan ciri-ciri keaslian budaya yang pelbagai, sebaliknya berhasrat membentuk suatu kebudayaan Amerika Syarikat yang baru." (1992: 13) Namun, konsep ini menemui kekurangannya terutama penghijrah-penghijrah di Amerika Syarikat bertegas mengekalkan budaya tradisi mereka masing-masing. Misalnya, Bai Xianyong dan Zhang Xiguo yang bermati-matian mengekalkan kebudayaan Cina di Amerika Syarikat menunjukkan konsep "melting pot" tidak mencapai kebenaran yang sepenuh.

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

utama kepada Zhang Xiguo di seberang laut. Setelah memperoleh ijazah kedoktoran di Universiti California, didapati Zhang Xiguo telah menetap di Amerika Syarikat menjangkau 37 tahun hingga hari ini. Selain kadang-kala dipelawa kembali ke Taiwan untuk memberi ceramah, beliau banyak menghabiskan masanya di Amerika Syarikat untuk meneruskan pengkajian dan kerjayanya.

Dari seorang penghijrah di Taiwan dan kemudian beralih kepada pemastaudin di Amerika Syarikat, perubahan lokasi kediaman telahpun menimbulkan kesangsian orang ramai terhadap identiti negaranya (national identity). Namun, tegangan dan dilema yang wujud akibat perubahan lokasi ini menjadi pendorong utama bagi beliau menghalau penanya ke arah kehidupan penghijrah-penghijrah bangsa Cina di seberang laut.<sup>5</sup> Lantaran, "identiti negara" Zhang Xiguo menjadi fokus perbincangan utama di sini. Pada hakikatnya, identiti negara merujuk kepada keperibadian sesuatu bangsa untuk membolehkan anggota-anggota masyarakatnya mengenalpasti kelompok-kelompok bangsa sendiri antara satu sama lain seterusnya mendirikan sesuatu komuniti. Menurut Xu Xun:

<sup>5</sup> Xu Xun pernah memberi hujah-hujahnya tentang penghijrah-penghijrah bangsa Cina di seluruh pelosok dunia. Beliau berkata, "Dalam penetapan politik sesebuah negara, identiti sesuatu bangsa dieriktakan sebagai kewarganegaraan. Namun, kewarganegaraan tidak semestinya merujuk kepada identiti budaya sesuatu bangsa. Misalnya, sesuatu bangsa yang mewarisi budaya tradisi Cina dapat digolong sebagai bangsa Cina tetapi tidak bererti beliau ialah warganegara tanah besar China. Justeru, penghijrah Cina dan bangsa Cina bukan berasal dari konsep yang sama. Penghijrah Cina di sini bererti orang Cina yang menetap di luar negara. 'Hua' dalam bahasa Cina bererti perwakilan sesuatu bangsa manakala 'Qiao' bererti penghijrah di seberang laut. Pada masa yang sama, golongan penghijrah ini juga termasuk bangsa Cina yang lahir di luar negara tetapi masih mengekalkan kewarganegaraan negara China." (2000: 27)

Identiti adalah mustahak sekali bagi sesuatu bangsa dalam pembentukan konsep negara-bangsa pada bila-bila masa. Hal ini disebabkan oleh beberapa faktor. Pertamanya, asal-usul pembentukan negara-bangsa adalah berkait rapat dengan kewajipan seseorang terhadap budayanya. Dengan kata lain, pembentukan konsep negara-bangsa adalah berdasarkan pembentukan sesuatu bangsa. Justeru, ketika sekelompok insan memperakui identiti bangsanya, maka wujudlah pengakuannya kepada "negara". Kedua, sesuatu bangsa perlulah menunjukkan taat setia mereka terhadap masyarakat. Identiti sesuatu bangsa memainkan pelbagai peranan yang tersendiri. Salah satu peranan dari aspek psikologi ialah lahirnya perasaan taat setia dan tulus ikhlas terhadap bangsa tersebut. Sementara itu, pembentukan identiti sesuatu bangsa adalah hasil daripada sejarah. Ini bererti sesuatu identiti baru terbentuk ekoran daripada anggota-anggota masyarakat yang menunjukkan taat setia terhadap sebuah negara baru. Dalam hal ini, taat setia merujuk kepada anggota-anggota masyarakat yang bersetuju memberi pengakuan kepada sesebuah negara seterusnya memberi sokongan yang sepenuhnya kepada negara mereka... Ketiga, sesuatu bangsa atau negara perlu mempunyai identiti yang tersendiri untuk membezakan dirinya dengan bangsa dan negara yang berlainan (2000: 26).

Jika kita meninjau pembentukan identiti Zhang Xiguo ekoran perubahan lokasi dari perspektif Xu Xun di atas, kita akan memahami pola penulisannya adalah berkait rapat dengan semangat nasionalisme yang didirikan di atas negara-bangsanya. Sebagai tamsilan, koleksi karya fiksyen *Tanah* dan novel-novel beliau umpamanya *Kisah Benar tentang Paderi Pi* dan *Raja Catur* sebenarnya memperlihatkan proses perkembangan masyarakat Taiwan ke arah pemodenan. Karya-karya seterusnya misalnya *Kapal Pisang*, *Penggagah* dan *Kemarahan Masa Silam* terus mempamerkan keprihatinannya terhadap keseluruhan bangsa Cina terutama bangsa Cina yang berada di luar negara China. Justeru, penulisan Zhang Xiguo selama ini bukan sahaja tidak terkeluar daripada soal masyarakat

Taiwan bahkan beliau tidak jemu mendasari pembentukan identiti bangsa dan negaranya.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang intelektual Cina yang berpandangan jauh, keprihatinan Zhang Xiguo tidak terbatas kepada masyarakat Taiwan sahaja tetapi kesayangannya adalah bertapak di atas keseluruhan bangsa Cina secara amnya. Tidak dapat dipertikaikan bahawa pertahanan dan pengenalpastian yang diberi oleh Zhang Xiguo kepada bangsa Cina sejagat adalah berasaskan semangat nasionalismenya yang bertapak di Taiwan. Dalam hal ini, jika "identiti baru" Zhang Xiguo telah beralih daripada seorang penghijrah kepada seorang warganegara, maka kesetiaan yang ditujukannya kepada negara baru nescaya ialah Republik China, iaitu Taiwan. Zhang Xiguo menegaskan bahawa Taiwan adalah satu-satunya tempat yang dapat mewakili tanah besar China. Dalam tanggapan Zhang Xiguo, beliau hanya memberi pengakuan kepada ideologi politik Guomindang yang berasaskan Tiga Prinsip Kemanusiaan (Sanmin Zhuyi), yakni kebangsaan (Minzu), hak kemanusiaan (Minquan) dan kehidupan manusia (Minsheng) sebagai asas pembangunan masyarakatnya.

Sesungguhnya, pegangan beliau adalah bercanggah dengan ideologi politik Komunis yang berasaskan konsep sosialisme. Dalam hal ini, Zhang Xiguo berpendapat bahawa pelancaran prinsip tersebut di bawah Guomindang akan dapat menyelesaikan masalah yang ada pada bangsa Cina pada masa itu. Beliau amat berharap tanah besar China akan dapat disatukan bersama Taiwan sebagai sebuah republik berasaskan suara bebas daripada rakyatnya. Taiwan yang tidak lagi terikat dengan kuasa Komunis menganggap masa depan pulau ini akan lebih

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan terjamin dengan bantuan Amerika Syarikat dari aspek ekonomi. Justeru, Zhang Xiguo sepatimana kebanyakkan orang Taiwan pada masa itu berpendirian tegas bahawa Taiwan pada suatu hari nanti dapat menyatupadukan semula tanah besar China dengan cara pemerintahan Taiwan sendiri. Lantaran, hanyalah Taiwan dianggap tanah tumpah darah Zhang Xiguo dalam gelaran “tanah air”.<sup>6</sup> Sebagaimana dikatakan beliau dalam artikelnya yang berjudul “Perbincangan tentang Realisme” ketika meninjau usaha penulis-penulis Taiwan dalam Sastera Kebangsaan:

Sastera Kebangsaan akan membangkitkan kesedaran seseorang terhadap bangsanya. Bagi para penulis di Taiwan, mereka mengutamakan pengalaman bangsa Cina yang berakar-umbi di Taiwan. Pengalaman kolektif yang dimiliki seluruh bangsa Cina mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Sesungguhnya pengalaman bangsa Cina di Taiwan mempunyai persamaannya dengan bangsa Cina yang lain. Lantaran itu, Sastera Kebangsaan seharusnya membayangkan pengalaman bersama berdasarkan perbezaan antara mereka. Kita akan menular ke arah hidup bangsa Cina di seluruh pelosok dunia secara keseluruhan berdasarkan pengalaman sejagat yang masing-masing memiliki keistimewaan tersendiri (1987c: 103).

Nyatalah, penulisan Zhang Xiguo yang menekankan pengalaman seluruh bangsa Cina adalah berteraskan akar budayanya di Taiwan. Dalam hal ini, kelihatan Zhang Xiguo sedang berusaha membelakangkan masalah kehilangan akar budaya yang membanjiri para penulis sezamannya.

---

<sup>6</sup> Pengakuan yang diberi oleh Zhang Xiguo kepada masyarakat Taiwan adalah lebih kukuh dan tegas jika berbanding dengan generasi tuanya atau kebanyakkan penulis sezamannya misalnya Bai Xianyong. Beliau tidak pernah meragui kepentingan tanah bertapaknya sejak penghijrahannya pada tahun 1949. Taiwan yang dianggap oleh Zhang Xiguo sebagai “tanah air” adalah berbeza dengan tanah besar China yang digelar tanah air sebelum ini.

Identiti merupakan persoalan yang wajar dipertimbangkan oleh Zhang Xiguo atau penghijrah-penghijrah bangsa Cina di seberang laut. Dari Taiwan ke Amerika Syarikat yang memimpin aliran dunia, perubahan lokasi Zhang Xiguo sebenarnya telah mengakibatkan beliau beralih dari sebuah tanah pinggiran ke tanah pinggiran yang lain.<sup>7</sup> Dalam hal ini, kedudukan Zhang Xiguo yang jauh dari Taiwan telah membekalkan jarak yang seimbang untuk beliau mempertimbangkan identitinya. Dengan kata lain, persoalan identiti merupakan pendorong bagi beliau menentukan kedudukan sendiri dengan lebih tegas lagi, khususnya sebagai seorang Cina yang menetap di luar Taiwan. Justeru, tidak hairanlah bahawa ramai pengkritik sastera yang mengatakan bahawa Zhang Xiguo ialah seorang penulis realisme yang mementingkan "dao" dalam penulisan. Di samping itu, pengenalpastian yang diberinya kepada Taiwan sejak awal-awal lagi membolehkan beliau meninjau hubungan intim antara penulis dengan bangsa dan negara dengan lebih kritis dan rasional. Dalam hal ini, Charles Taylor yang sering mengkaji isu identiti pernah menjelaskan bahawa keperluan utama bagi sesuatu "pengakuan" (recognition) / identiti dalam masyarakat yang berkepelbagaian budaya adalah berasaskan kempen nasionalisme. Menurut beliau, "Identiti merujuk kepada tingkahlaku seseorang dalam mengerti siapa dirinya berasaskan ciri-ciri kemanusiaan... Sebahagian identiti kita berasaskan pengakuan yang ditujukan kepada 'golongan lain' (others) atau wujudnya ketidakhadiran

---

<sup>7</sup> Di Taiwan, penghijrah-penghijrah dikatakan tidak mudah lupa akan kenangan mereka di tanah besar China. Kehidupan di Taiwan dikatakan "disingkir" di atas suatu tanah pinggiran yang terasing. Rasa terasing ini menjadi lebih serius ketika mereka bertapak di Amerika Syarikat. Kebanyakan mereka sukar menyesuaikan diri dalam persekitaran baru di Barat terutama mereka mendapati Amerika Syarikat yang memimpin aliran budaya dunia bercanggah dengan budaya tradisi mereka. Keterasingan yang wujud pada mereka telah menghasilkan kesunyian minda yang "disingkir" ke atas sebidang tanah pinggiran lagi.

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan pengakuan tersebut atau salah faham (misrecognition) yang ditujukan kepada 'golongan lain' " (1994: 25-167).

Kesungguhan Zhang Xiguo dalam mengharungi pelbagai kesulitan realiti masyarakat Amerika Syarikat tidak semudah dengan apa yang kita bayangkan. Selain berikhtiar untuk menempatkan semula budaya tradisi yang diwarisinya dalam kehidupan baru dengan gigih, beliau berusaha mencari jalan untuk mengatasi ketidakseimbangan budaya yang dialami oleh Bai Xianyong sebelum itu. Keinginan untuk mengimbangkan diri antara budaya asli dengan budaya dunia di kota metropolitan Barat akhirnya telah mengakibatkan ketegangan di kalangan intelektual Cina di seberang laut. Golongan intelek Cina yang bertaburan di Amerika Syarikat akan menjadikan universiti atau pusat pengajian tinggi sebagai tapak perhentian mereka. Setelah menamatkan pengajian ijazah kedoktoran, kebanyakan mereka enggan kembali ke Taiwan buat sementara dan memulakan kerjaya atau meneruskan pengkajian mereka dalam bidang yang berkenaan. Keadaan sedemikian berterusan ke tahun 1980an sehingga wujudnya suatu kelompok yang terdiri daripada penuntut-penuntut Taiwan di Amerika Syarikat. Kini, kebanyakan penuntut dari Taiwan pada masa itu sudahpun bermastautin dan mendirikan rumahtangga di Amerika Syarikat.

Dalam hal ini, kelompok bangsa Cina di seberang laut yang terdiri daripada penghijrah-penghijrah yang mempunyai pertalian darah, bahasa dan amalan budaya yang sama dapat dijelaskan dengan konsep "Cultural China" yang dihujahkan oleh Profesor Du Weiming. Pada tahun 1991, Profesor Du membentangkan konsep ini dalam majalah *Daedalus* demi mempersembahkan

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

suatu bangsa Cina yang bebas daripada batasan negara dan seterusnya menegakkan suatu identiti bangsa Cina yang berteraskan kebudayaan Cina. Dengan kata lain, identiti Zhang Xiguo adalah terbentuk atas keseimbangan antara bangsa Cina dengan masyarakat Taiwan. Pegangan beliau terhadap identiti ini sesungguhnya memperlihatkan usaha beliau dalam melampaui unsur politik yang membenggu generasinya selama ini. Penghujahan Du Weiming memperdalami "unsur kecinaan" dalam konsep kebudayaan Cina dapat diperlakukan untuk menerangkan pembentukan identiti Zhang Xiguo di sini. Menurut beliau, dunia kebudayaan ini mengandungi tiga unsur simbolik. Pertama, masyarakat Cina yang terdiri daripada bangsa Cina di tanah besar China, Taiwan, Hong Kong, Macau dan Singapura. Kedua, masyarakat Cina yang bertaburan di seluruh dunia. Akhirnya, masyarakat yang terdiri daripada bangsa yang tidak semestinya mempunyai pertalian darah dengan tanah besar China, tetapi merangkumi golongan intelektual dan pengkaji-pengkaji yang menumpukan keprihatinan mereka ke atas kebudayaan Cina (1996: 63-64).<sup>8</sup> Lantaran, Zhang Xiguo pada hakikatnya prihatin terhadap sebuah masyarakat Cina sejagat tanpa mengenal sempadan geografi.

Pada puncak kegemilangan Sastera Penuntut Seberang laut antara tahun 1970an hingga 1980an, para penulis Taiwan tidak jemu mendedahkan hubungan diri dengan Taiwan walaupun mereka berada di Amerika Syarikat. Kedudukan mereka sebagai penghijrah-penghijrah di seberang laut sering dijadikan tinjauan utama. Sehubungan itu, Zhang Xiguo berinisiatif mendasari peranannya yang

<sup>8</sup> Ekoran daripada pendedahan konsep "Cultural China" oleh Profesor Du Weiming, ramai pengkaji turut mengeluarkan pandangan mereka tentang konsep tersebut (Sila rujuk Zhou Yingxiong dan Chen Qinan, 1995).

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

seharusnya ditujukan kepada bangsa Cina. Misalnya, kesungguhan beliau dalam memaparkan kempen kebangsaan yang diadakan oleh penuntut-penuntut bangsa Cina di seberang laut dalam novel *Kemarahan Masa Silam* telah menunjukkan beliau amat mengambil berat masa depan golongan intelektual Cina. Di samping itu, kita dapat memerhati definisi yang diberi oleh Stuart Hall kepada “identiti” untuk memperkuuh lagi pendirian Zhang Xiguo di atas. Hall menjelaskan bahawa “identiti” sebagai satu langkah “penilaian semula” kepada seseorang sehingga beliau dapat bersuara berdasarkan pendiriannya yang tersendiri dalam lingkungan budayanya (1990: 236-7). Hall sebenarnya tidak bertujuan untuk menerokai suatu identiti baru untuk “golongan lain” (others). Sebaliknya, strategi beliau untuk mendirikan semula identiti golongan yang disingkirkan atau diasingkan di tanah pinggiran dikatakan suatu langkah yang inisiatif.

Jika ditinjau dari Amerika Syarikat yang merupakan sebuah masyarakat multi-budaya yang berbahasa Inggeris, karya-karya sastera Zhang Xiguo yang mempratikkan bahasa Cina sebagai bahasa penulisannya merupakan sastera yang dimiliki oleh etnik minoriti.<sup>9</sup> Realiti masyarakat Barat yang sukar memberi kepuasan kepada Zhang Xiguo yang berpegang teguh terhadap budaya tradisional Timur mengakibatkan beliau berpaling semula ke arah bahasa, budaya, bangsa di negara asalnya. Dalam masyarakat Amerika Syarikat yang mengutamakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarannya, masih kelihatan golongan penulis Taiwan berikhtiar dalam mendedahkan pengalaman diri di rantau asing dengan

<sup>9</sup> Penulis-penulis Cina yang berada di Amerika Syarikat merupakan etnik minoriti yang mengarang di rantau asing. Ini disebabkan masyarakat Amerika Syarikat lebih mengutamakan bahasa Inggeris dalam bidang penulisannya. Maka, penulis-penulis Sastera China yang menggunakan bahasa ibunda mereka dalam penulisan merupakan golongan minoriti di Amerika Syarikat. Selain itu, golongan penulis Cina di sini diertikan sebagai etnik minoriti tetapi bukan kelompok lemah seperti yang disalahfaham oleh orang ramai.

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

mempergunakan bahasa ibunda sendiri. Tambahan pula, kebanyakan karya mereka akhirnya terpapar di depan mata pembaca masyarakat Taiwan. Memang suatu tugas berat bagi penulis-penulis Taiwan di seberang laut berpaling semula ke tanah air sendiri dengan "melakarkan wajah Taiwan" yang berjauhan memandangkan mereka berada di masyarakat orang lain dalam jangka masa agak panjang. Hari ini, ramai pengkaji sastera Barat amat mengambil perhatian terhadap situasi "etnik diaspora" dan menjelaskannya dengan konsep penulisan diaspora. Demikianlah Ien Ang membentang pandangannya dalam artikel beliau yang berjudul "Tidak Tahu Bertutur Bahasa Cina: Perbincangan tentang Pembentukan Identiti pada Etnik Diaspora dan Unsur Nasionalisme dalam Pasca Moden" (Buhui Shuo Zhongguo Hua: Lun Sanju Zuyi zhi Shenfen Rentong yu Hou Xiandai zhi Zhongzu Xing) berasaskan pengalaman dirinya di negara asal, negara membesar dan negara bermastaudinnya:

"Etnik diaspora" merujuk kepada situasi sesuatu etnik yang hidup bertaburan di merata-rata tempat di seluruh pelosok dunia atas faktor luaran atau pilihan sendiri. Mereka sebenarnya sekelompok manusia yang hidup di atas sebuah tanah tanpa mengenal sempadan. Dengan kata lain, golongan ini berada dalam sebuah struktur budaya di luar pengaruh masa dan lokasi. Maka, golongan ini akan melahirkan komuniti yang mempunyai imaginasi di kalangan mereka. Pada asasnya, komuniti ini mempunyai sempadan negara yang kabur kerana mereka hanya menjalinkan hubungan bersimbolik dengan "tanah air" asal mereka (1992: 53).

Sesungguhnya, pembentukan identiti yang kukuh amat menonjol dalam karya-karya Zhang Xiguo yang sentiasa berkait rapat dengan nadi masyarakat Taiwan. Beliau tidak terhenti memikirkan masa depan bangsanya ekoran perubahan masyarakat yang mendadak walaupun beliau berada di Amerika

Syarikat. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Mu, "Walaupun Zhang Xiguo mendiami Amerika Syarikat menjangkau 10 tahun sejak kebelakangan ini, tetapi karya-karya yang dihasilnya adalah ditujukan kepada masyarakat Taiwan dan insan kesayangannya." (1976: 3) Nyatalah, hubungan intim yang dijalankan oleh Zhang Xiguo dengan tanah airnya sekali lagi terbukti hubungan penulis ini tidak mudah terputus sama sekali dalam lingkungan "etnik diaspora".

Tinjauan terhadap persoalan identiti bangsa Cina di seberang laut merupakan langkah penting untuk memperkuatkan identiti budaya dalam persepsi Zhang Xiguo. Penekanan beliau kepada masyarakat Taiwan padahalnya terserlah ciri-ciri seorang intelektual yang berpandangan jauh dan rasional. Zhang Xiguo tidak tenggelam dan sesat akibat tampanan budaya Barat yang dialami oleh Bai Xianyong sebelum ini. Di samping itu, warisan budaya tradisional Cina yang tulen dan mendalam tidak menghasilkan penyeksaan jiwa akibat "tidak tahu berbahasa Cina" seperti yang ditanggung oleh kebanyakan golongan pengembara.<sup>10</sup> Sememangnya pengiktirafan yang diberi oleh beliau dalam proses pembentukan identiti adalah ditujukan kepada bangsa Cina dan Taiwan semata-mata. Misalan, beliau amat menekankan peristiwa sejarah Kepulauan Diaoyu dan tidak jemu meninjau masyarakat Taiwan yang kian materialistik dalam

<sup>10</sup> Artikel len Ang berjudul "Tidak Tahu Bertutur Bahasa Cina: Perbincangan tentang Pembentukan Identiti pada Etnik Diaspora dan Unsur Nasionalisme dalam Pasca Moden" menjelaskan keadaan dirinya seorang Cina yang tidak tahu berbahasa Cina telah menyebabkan ciri-ciri kecinaan yang diwarisinya sentiasa diragui orang ramai. Lama-kelamaan, keadaan "tidak tahu berbahasa Cina" menjadi rintangan utama baginya sehingga timbulnya permasalahan politik peribadi beliau (1992: 48-69). Selain itu, artikel Zhou Lei berjudul "Tidak Tahu Bahasa Cina" sebagai pembuka kata dalam *Penulisan Di Luar Tanah Air*, karya kritikannya yang terkenal telah mengatakan bahawa sama ada bangsa Cina di Hong Kong tahu atau tidak tahu berbahasa Cina, mereka masih dipandang rendah kerana penduduk Hong Kong tidak diberi kedudukan mulia dari mata dunia sejak awal-awal lagi. Penduduk Hong Kong selalunya dianggap orang Cina yang "dibaratkan" ekoran perubahan sejarah sehingga kedudukan mereka sentiasa diabaikan. Sementara itu, kelemahan bahasa Cina di kalangan mereka sentiasa dijadikan alasan untuk pengkaji-pengkaji mengkritik budaya, identiti dan kedudukan bangsa Cina di Hong Kong (1995: xiii).

Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan  
pemodenan antara tahun 1970an hingga pertengahan tahun 1980an dalam karyanya.

Selama ini, Zhang Xiguo tidak lupa akan hubungannya dengan negara membesar walaupun beliau mendiami seberang laut dalam jangka masa yang panjang. Rasa terasing yang timbul pada sanubari seorang pengembala di rantau orang sentiasa mengingatkan Zhang Xiguo di mana beliau berada sebenarnya. Dalam hal ini, Charles Taylor mengaplikasikan metodologi Lionel Trilling, yakni “konsep kebenaran” (authenticity) dalam perbincangannya terhadap “pembentukan identiti”. Menurut Charles Taylor, “Identiti dimiliki individu dan pengakuan ini berasal daripada perasaan naluri seseorang. Pada dasarnya, identiti terbentuk berdasarkan kejujuran seseorang terhadap dirinya dan keistimewaan cara hidup yang berlainan daripada orang lain.” (1994: 25-167) “Konsep kebenaran” ini pada asasnya bertapak di atas teori-teori Jean Jacques Rousseau dan Herder yang bertujuan untuk mendalami minda seseorang berdasarkan sikap jujurnya. Namun, konsep ini bukan sahaja dipraktikkan untuk individu bahkan bersesuaian benar untuk sesuatu bangsa. Herder berpendapat bahawa sesuatu bangsa (volk) yang bersikap jujur pada dirinya akan taat setia terhadap budayanya. Konsep ini seterusnya diperkembangkan oleh Taylor. Menurut beliau:

Manusia sentiasa menganggap tingkahlaku atau peranan yang dimainkan dalam kedudukan masyarakat adalah amat penting untuk mereka. Anggapan ini sukar dibetulkan walaupun dengan kelahiran masyarakat demokrasi kerana manusia sudah biasa menilai dirinya berdasarkan status masyarakat. Dalam pada itu, satu-satunya usaha untuk melenyapkan identiti berpandukan status masyarakat adalah dengan wujudnya “konsep kebenaran” (1994: 25-167).

### Bab 3 Bertapak kukuh di Taiwan

Nyatalah, konsep kebenaran yang dihujahkan di atas sebenarnya suatu strategi yang murni untuk para penulis menempatkan semula dirinya dari kedudukan yang disingkirkan dan seterusnya mencungkil pengertian hidup yang sebenar. Tambahan pula, pendedahan konsep tersebut merupakan jambatan untuk menjalinkan hubungan intim antara penulis dengan negaranya. Dalam usaha meneroka hidup baru bagi pengembara-pengembara Cina di seberang laut, Zhang Xiguo tidak pernah berputus asa dalam menentukan titik keseimbangan yang sewajarnya untuk mereka. Kebenaran ini padahalnya berasaskan pembentukan identiti Zhang Xiguo yang berteraskan pengiktirafannya kepada budaya Cina dan Taiwan secara keseluruhannya.